

► Menulis

Edit dan betulkan kesalahan ejaan dan tanda baca dalam petikan di bawah ini. SP 3.7.1



Pernahkah kamu makan ambuyat. Ambuyat ialah sejenis makanan tradisional masyarakat Sabah. Bahan untuk membuat ambuyat sangat mudah, iaitu menggunakan tepung sagu rumbia dan air panas sahaja.

Ambuyat berwarna putih jernih dan teksturnya meleket seperti gam. Ambuyat di nikmati bersama dengan sambal belacan, sayur kangkung, atau ikan goreng. Ada kalanya, ambuyat dimakan sebagai hidangan makan tengahari untuk menggantikan nasi. Rasa ambuyat tawar tetapi sedap apabila dimakan bersama dengan kuah yang masam dan pedas. Wah, enakny.

Ambuyat dibuat dengan cara mencampurkan tepung sagu rumbia dengan air yang betul-betul panas. Seterusnya, kedua dua bahan tersebut akan dikacau sehingga menjadi kenyal.

Kesalahan	Pembetulan
1 Pernahkah kamu makan ambuyat.	
2 tepung	
3 meleket	
4 di nikmati	
5 tengahari	
6 menggantikan	
7 Wah, enakny.	
8 kedua dua	

Kamus Mini

1. pandemik – wabak penyakit yang tersebar dengan meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, bersebaran.
2. profesion – pekerjaan atau tugas yang memerlukan pengetahuan yang tinggi dan latihan khusus (misalnya dalam bidang undang, perubatan, perniagaan dan lain-lain)

Info Ekstra

- Hari Jururawat disambut pada 12 Mei setiap tahun untuk memperingati kelahiran 'Ibu Jururawat', Florence Nightingale, dan untuk meraikan sumbangan jururawat terhadap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.